

24/10/1997

PM terima fellowship perubatan diraja Edinburgh

EDINBURGH, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini diterima sebagai ahli kehormat Kolej Pakar Perubatan diraja Edinburgh.

Dr Mahathir dianugerahkan fellowship kehormat, iaitu rakyat Malaysia pertama menerima anugerah seperti itu sementara Dr Siti Hasmah diterima ahli cemerlang sebagai mengiktiraf sumbangan mereka kepada rakyat Malaysia dan dunia.

Mereka menerima anugerah itu daripada presiden kolej itu Prof John Cash pada satu majlis di dewan Kolej Great Hall.

Dr Mahathir adalah antara pemimpin dunia yang menjadi ahli kehormat kolej itu.

Dr Mahathir tiba di sini pagi ini untuk menghadiri mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) selama tiga hari yang bermula pada Jumaat.

Perdana Menteri juga dijangka mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Komanwel termasuk dari Cyprus, Malta, Bangladesh, New Zealand, Australia dan Singapura. - Bernama

(END)